

**SOALAN NO. : 47**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 17 November 2015**

**RUJUKAN : DR040**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan kampung baru dan mengkaji semula sistem amaran banjir kilat yang ditempatkan di kampung baru yang sering dilanda banjir.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah banjir kilat di di kawasan Kampung Kebun Baru, Mukim Serkat, Johor, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memasang pintu air pasang surut automatik dan struktur pam untuk mengeluarkan air saliran ke laut.

Sejak tahun 2014 dan 2015 ini tiada lagi kejadian banjir kilat dilaporkan memandangkan rumah pam tersebut yang telah beroperasi sepenuhnya membantu mengeluarkan air dari kawasan perkampungan apabila air laut pasang.

Setakat ini, tiada sistem amaran bajir ditempatkan di kawasan tersebut kerana kejadian banjir kilat adalah terkawal. Namun, sekiranya ada keperluan di masa hadapan, pemasangan sistem siren akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.